## TEMPOH KEMPEN / *CAMPAIGN PERIOD*

1. **Kempen '*Boost & Win with BSN DuitNow QR'* ("Kempen")** dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) khusus untuk peniaga-peniaga yang menggunakan perkhidmatan DuitNow QR BSN untuk transaksi perniagaan bermula dari **01 November 2025 sehingga 31 Januari 2026 ("Tempoh Kempen")**, kecuali dinyatakan sebaliknya oleh BSN dari semasa ke semasa, tertakluk kepada terma dan syarat bagi Kempen in sepertimana dinyatakan di bawah **("Terma dan Syarat").**
*The **Boost & Win with BSN DuitNow QR Campaign ("Campaign")** is organised by Bank Simpanan Nasional (BSN) specifically for merchants who are using BSN DuitNow QR service for business transaction commencing from **01 November 2025 until 31 January 2026 ("Campaign Period")**, unless notified otherwise by BSN from time to time, subject to the terms and conditions of the Campaign as stipulated below **("Terms and Conditions")**.*

2. BSN merizabkan hak untuk meminda Tempoh Kempen tertakluk kepada peruntukan di dalam Klausa 35 Terma dan Syarat ini.
*BSN reserves the right to vary the Campaign Period, subject to the provisions in Clause 35 of these Terms and Conditions.*

3. Penyertaan yang tidak lengkap, tidak sah atau diterima selepas Tempoh Kempen akan dibatalkan secara automatik.
*Incomplete, invalid or late applications received after the Campaign Period will be automatically disqualified.*

## KELAYAKAN / *ELIGIBILITY*

4. Peniaga-peniaga ("Peniaga") yang memenuhi syarat di bawah adalah layak untuk menyertai Kempen ini:
*The Merchants ("Merchant(s)") that meet the following criterias are eligible to participate in this Campaign:*

   a) Peniaga adalah pelanggan perniagaan baharu atau sedia ada BSN yang mempunyai BSN Giro/-i Akaun Syarikat atau BSN Giro/-i Premium Akaun Syarikat ("Akaun Peniaga");
   *The Merchant is a new or an existing business customer of BSN having BSN Giro/-i Company Account or BSN Giro/-i Premium Company Account ("Merchant's Account");*

   b) Akaun Peniaga yang layak adalah daripada jenis kategori-kategori berikut :
   *The eligible Merchant's Account shall be from the following categories:*
      i. Perniagaan Sendiri / *Sole Proprietorship*
      ii. Perkongsian / *Partnership*
      iii. Syarikat Sdn Bhd / *Private Limited Company*
      iv. Syarikat Berhad / *Public Limited Company*
      v. Kelab Koperasi / *Cooperative Club*
      vi. Kelab atau Persatuan / *Club or Association*

c) Peniaga perlu berdaftar dengan Perbankan Internet BSNeBiz **(“BSNeBiz”)**;
*Merchant(s) must be registered to BSNeBiz Internet Banking (“BSNeBiz”);*

d) Peniaga perlu menghasilkan dan menggunakan perkhidmatan DuitNow QR BSN bagi menerima pembayaran tanpa tunai daripada pelanggan seperti yang dinyatakan dalam item 8 di bawah dalam Tempoh Kempen.
*The Merchant(s) is required to generate and use the BSN DuitNow QR service to receive cashless payments from customer as stated in item 8 below during the Campaign Period.*

5. Entiti-entiti/individu yang berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:
*The following entities/individuals shall **NOT BE ELIGIBLE** to participate in the Campaign:*

a) Peniaga dengan Akaun Peniaga selain sepertimana ditafsirkan di Klausa 4(a) dan 4(b) di atas; dan
*The Merchant(s) with the Merchant’s Account other than as defined under Clause 4(a) and 4(b) above; and*

b) Akaun jabatan-jabatan di BSN.
*BSN departments’ accounts.*

**MEKANISMA KEMPEN/ *CAMPAIGN MECHANISM***

6. Untuk menyertai Kempen ini, Peniaga perlu menggunakan perkhidmatan DuitNow QR BSN bagi menerima pembayaran tanpa tunai daripada pelanggannya sepanjang Tempoh Kempen.
*To participate in this Campaign, the Merchant(s) is required to use the BSN DuitNow QR service to receive cashless payment from its customers during the Campaign Period.*

7. Kempen ini menawarkan dua (2) kategori hadiah yang berbeza (setiap satu dirujuk sebagai “Kategori Hadiah”) yang tersedia untuk Peniaga yang mengambil bahagian, seperti yang diperincikan di bawah:
*This Campaign offers two (2) distinct categories of prizes (each referred to as a “Prize Category”) available to participating Merchant(s), as outlined below:*

| **Kategori Hadiah**<br>*Prize Categories* | **Tempoh Kempen**<br>*Campaign Period* | |
|---|---|---|
| Peniaga DuitNow QR BSN Baharu Bulanan<br>*Monthly New BSN DuitNow QR Merchant* | Kitaran Kempen 1<br>*Campaign Cycle 1* | 1 November 2025 – 30 November 2025<br>*1 November 2025 – 30 November 2025* |
| | Kitaran Kempen 2<br>*Campaign Cycle 2* | 1 Disember 2025 – 31 Disember 2025<br>*1 December 2025 – 31 December 2025* |
| | Kitaran Kempen 3<br>*Campaign Cycle 3* | 1 Januari 2026 – 31 Januari 2026<br>*1 January 2026 – 31 January 2026* |
| Cabutan Bertuah<br>*Lucky Draw* | 01 November 2025 - 31 Januari 2026<br>*01 November 2025 - 31 January 2026* | |

8. Peniaga hendaklah memenuhi kriteria transaksi yang telah ditetapkan oleh pihak Bank bagi setiap Kategori Hadiah (Transaksi yang Layak") sepertimana diperincikan di bawah untuk melayakkan Peniaga menjadi pemenang dan menerima hadiah yang ditawarkan ("Pemenang"):
*The Merchant(s) shall fulfil the criteria set by the Bank for the respective Prize Category ("Eligible Transaction") as detailed out below to be eligible as winner and receives the offered prizes ("Winner(s)"):*

| | |
|---|---|
| **Mekanisma Kempen** *Campaign Mechanism* | **1. Kategori Peniaga DuitNow QR BSN Baharu Bulanan**<br>*Monthly New BSN DuitNow QR Merchant Category*<br><br>a) Terbuka kepada Peniaga DuitNow QR BSN yang baharu didaftarkan sepanjang Tempoh Kempen;<br>*Open to newly registered BSN DuitNow QR Merchants during Campaign Period;*<br><br>b) Peniaga haruslah menerima minimum sebanyak satu ratus (100) transaksi pembayaran tanpa tunai melalui perkhidmatan DuitNow QR BSN sepanjang kitaran kempen mengikut bulan pendaftaran sebagai Peniaga DuitNow QR BSN untuk berpeluang memenangi hadiah yang dinyatakan di Klausa 9.<br>*Merchant must receive a minimum of one hundred (100) cashless payment transactions via BSN DuitNow QR service throughout the campaign cycle, based on the month of registration as a BSN DuitNow QR Merchant, in order to be eligible to win the prize stated in Clause 9.*<br><br>c) Amaun minima RM10.00 untuk setiap transaksi.<br>*Minimum amount of RM10.00 per transaction.*<br><br>**2. Kategori Cabutan Bertuah**<br>*Lucky Draw Category*<br><br>a. Terbuka kepada Peniaga DuitNow QR BSN yang baharu dan sedia ada sepanjang Tempoh Kempen.<br>*Open to all new and existing BSN DuitNow QR Merchants during the Campaign Period.*<br>b. Terima minimum sebanyak empat ratus (400) transaksi pembayaran tanpa tunai melalui perkhidmatan DuitNow QR BSN sepanjang Tempoh Kempen;<br>*Receive a minimum of four hundred (400) cashless payment transactions via BSN DuitNow QR service during the Campaign Period;*<br>c. Setiap lima puluh (50) jumlah transaksi akan menerima satu (1) peluang untuk memenangi Hadiah Cabutan Bertuah.<br>*Every fifty (50) transactions will receive one (1) chance to win the Lucky Draw Prize.* |

| | |
|---|---|
| | d. Amaun minima RM10.00 untuk setiap transaksi.<br>*Minimum amount of RM10.00 per transaction.* |

**HADIAH / *PRIZES***

9. Berikut adalah hadiah wang tunai yang ditawarkan di bawah Kempen ini ("Hadiah") bagi Peniaga yang memenuhi kriteria Transaksi yang Layak yang dinyatakan di dalam Klausa 8:
*The following are cash rewards offered under this Campaign ("Prize") to the Merchant(s) who meets the criteria of Eligible Transaction stipulated in Clause 8*:

| **Kategori Hadiah**<br>*Prize Category* | **Nilai Hadiah**<br>*Prize Value* | **Jumlah Pemenang**<br>*Number of Winners* |
|---|---|---|
| **Kategori Peniaga DuitNow QR BSN Baharu Bulanan**<br>*Monthly New BSN DuitNow QR Merchant Category* | | |
| Kitaran Kempen 1 – November 2025<br>*Campaign Cycle 1 – November 2025* | RM200.00 | 200 |
| Kitaran Kempen 2 – Disember 2025<br>*Campaign Cycle 2 - December 2025* | RM200.00 | 200 |
| Kitaran Kempen 3 – Januari 2026<br>*Campaign Cycle 3 - January 2026* | RM200.00 | 200 |
| **Kategori Cabutan Bertuah**<br>*Lucky Draw Category* | | |
| Hadiah Utama<br>*Grand Prize* | RM3,000.00 | 1 |
| Hadiah Pertama<br>*1st Prize* | RM2,000.00 | 1 |
| Hadiah Kedua<br>*2nd Prize* | RM1,000.00 | 1 |

10. Peniaga hendaklah memastikan Akaun Peniaga yang digunakan untuk menerima Transaksi yang Layak tersebut kekal berstatus aktif sepanjang masa untuk tujuan pengkreditan Hadiah kepada Pemenang yang terpilih.
*The Merchant(s) must ensure that the Merchant's Account that is used to receive Eligible Transactions remains active for the purpose of Prizes crediting to the selected Winner.*

## PEMILIHAN PEMENANG / *WINNER SELECTION*

11. BSN akan memilih Pemenang yang telah memenuhi kriteria yang ditetapkan dan menerima transaksi pembayaran tanpa tunai melalui perkhidmatan BSN DuitNow QR yang tertinggi berdasarkan rekod yang terdapat di dalam sistem BSN di akhir setiap Kitaran Kempen bagi kategori Peniaga DuitNow QR Baharu Bulanan.
*BSN will select the Winners who have fulfilled the stipulated criteria and received the highest cashless payment transactions via BSN DuitNow QR service based on the records available in the BSN system at the end of each Campaign Cycle for the Monthly New DuitNow QR Merchant category.*

12. BSN akan memilih Pemenang yang telah memenuhi kriteria yang ditetapkan bagi Kategori Cabutan Bertuah melalui pemilihan rawak berkomputer berdasarkan rekod yang terdapat di dalam sistem BSN di akhir Tempoh Kempen.
*BSN will select the Winners who have fulfilled the stipulated criteria for Lucky Draw Category through a computerized random selection process based on the records available in the BSN system at the end of the Campaign Period.*

13. Senarai Pemenang Kategori Peniaga DuitNow QR Baharu Bulanan dan Pemenang Kategori Cabutan Bertuah akan dimaklumkan selepas Tempoh Kempen berakhir dan setelah Hadiah dikreditkan ke Akaun Peniaga Pemenang atau mana-mana kaedah penyerahan yang akan ditentukan oleh BSN mengikut budi bicaranya.
*The list of the Winners for the Monthly New DuitNow QR Merchant Category and Lucky Draw Category will be announced at the end of the Campaign Period upon the Prizes being credited into the Merchant’s Account of the Winners or any other distribution methods that will be determined by BSN at its discretion.*

14. Butiran Pemenang (nama syarikat) akan diumumkan di www.bsn.com.my (“Laman Web BSN”) dan/atau mana-mana kaedah lain yang dianggap sesuai oleh BSN. Dengan menyertai Kempen ini, paparan nama Peniaga di Laman Web BSN yang berjaya menjadi Pemenang adalah dipersetujui oleh Peniaga.
*The Winners’ details (company’s name) will be published on www.bsn.com.my (“BSN’s Website”) and/or any other method deemed appropriate by BSN. By participating in this Campaign, the publication of the Merchant(s)’ names on BSN’s Website, if they successfully become a Winner, is agreed upon by the Merchant(s).*

15. BSN merizabkan hak untuk memilih pemenang tambahan untuk menggantikan mana-mana Pemenang yang mungkin tidak layak atau Akaun Peniaga Pemenang didapati tidak aktif, tidak sah, telah digantung, ditutup, dibatalkan dan/atau melanggar perjanjian dengan BSN dan/atau Pemenang tidak dapat dihubungi atau hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab lain sepanjang Tempoh Kempen.
*BSN reserves the right to select an additional winner to substitute any Winners who may be ineligible or cannot be contacted or the Winners’ Merchant’s Account is invalid, have been suspended, closed, cancelled, and / or in breach of its agreement with BSN or disqualified for any reason whatsoever throughout the Campaign Period.*

16. Sebarang penentuan oleh BSN mengenai pemilihan Pemenang adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan dengan apa cara sekali pun. Tiada sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau protes akan dilayan.
    *Any determination by BSN as to the list of Winners shall be conclusive and may not be challenged in any manner whatsoever. No correspondence, queries, appeals or protest will be entertained.*

17. Semua Pemenang mesti mematuhi Terma dan Syarat BSN bagi Kempen ini.
    *All Winners shall abide to the Terms and Condition of BSN for this.*

18. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu kepada mana-mana Peniaga berhubung penyertaan dalam Kempen ini.
    *BSN does not guarantee and does not promise any specific results to the Merchant(s) in relation to the participation in this Campaign.*

**HAK BANK / *BANK'S RIGHT***

19. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Kempen ini sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN, walaupun selepas segala usaha terbaik BSN dilakukan. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peniaga secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.
    *BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Campaign in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN, despite the best efforts of BSN. BSN will not be held responsible or accept any liability incurred by the Merchant(s) directly or indirectly, caused by the changes.*

20. BSN berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Peniaga yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti negatif berkait dengan Kempen ini.
    *BSN reserves the right, in its discretion, to disqualify any Merchant(s) that is found or suspected of tampering with the Campaign's process, the operation of this Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign.*

**LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / *LIABILITY AND RESPONSIBILITY***

21. Peniaga adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.
*Merchant(s) shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.*

22. Sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung untuk menyertai Kempen ini i dan/atau sebarang kos lain adalah di bawah tanggungjawab penuh Peniaga atau Pemenang.
*Any cost, fee and/or expense expenses incurred or to be incurred to participate in this Campaign and/or any other expenses is the sole responsibility of the Merchant(s) or Winners.*

23. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal seperti penambahbaikan sistem dan sebagainya yang menghalang mana-mana Peniaga daripada menyertai Kempen ini. Ini merujuk kepada gangguan teknikal yang berlaku sama ada di pihak BSN atau di pihak Peniaga, termasuk tetapi tidak terhad kepada masalah sambungan internet, keserasian peranti, atau pembekal rangkaian. Peniaga
*BSN is not responsible for technical problems such as system upgrading or similar circumstances that may prevent any Merchant(s) from participating in this Campaign. This refers to technical disruptions occurring on BSN’s side* ***or*** *on the Merchant(s)’ side, including but not limited to issues with the Merchant(s)’ own internet connection, device compatibility, or network provider.*

24. BSN berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peniaga daripada menyertai atau menerima sebarang hadiah di bawah Kempen ini sekiranya Peniaga:
*BSN reserves the right to disqualify any Merchant(s) from participating or receiving any prize under this Campaign if the Merchant(s):*

    (a) didapati mempunyai status akaun tertunggak (di BSN atau mengikut rekod agensi kredit);
    *is found to have a delinquent account status (at BSN or according to the credit agency’s record);*

    (b) diisytiharkan muflis atau digulungkan; atau
    *is declared bankrupt or wound up; or*

    (c) sedang menjalani prosiding kebankrapan atau penggulungan syarikat ; atau
    *is undergoing bankruptcy or winding up proceedings; or*

    (d) gagal mematuhi Terma dan Syarat produk yang berkaitan atau Kempen ini.
    *fails to comply with the Terms and Conditions of the relevant product or this Campaign*

    Kelucutan hak kelayakan ini boleh dilakukan pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

*Such disqualification may be exercised at any time without prior notice.*

**DATA PERIBADI / *PERSONAL DATA***

25. Dengan menyertai Kempen ini, Peniaga dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini dikumpulkan, direkodkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada:
*By participating in this Campaign, the Merchant(s) hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consents to the use of their personal details including without limitation to, the personal data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign being collected, recorded, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any,:*

a) untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Sesawang BSN; atau
*for the purposes of this Campaign in accordance with BSN’s Privacy Policy, which may be viewed on BSN’s Website; or*

b) untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau
*to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or*

c) untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau
*to comply with a Court order or direction; or*

d) untuk mengesahkan status akaun Peniaga dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau
*to verify the Merchant’s account status with any third party (if relevant); or*

e) apabila diminta secara bertulis oleh Peniaga; atau
*where the Merchant(s) request in writing; or*

f) untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN.
*to protect and defend BSN or BSN’s asset.*

26. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan Polisi Privasi BSN, Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.
*In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with BSN’s Privacy Policy, BSN’s Privacy Policy shall prevail.*

27. Peniaga memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Peniaga atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.
*The Merchant(s) hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Merchant's account or banking services and authorises such disclosure by such person, if relevant.*

28. Peniaga mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:
*Merchant(s) has the right at any time to:*

    a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan data peribadi; and
    *Withdraw their consent for the use of personal data; and*

    b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini data peribadi; dan
    *Request for any correction/update of personal data; and*
    c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan data peribadi dengan menghubungi BSN.
    *Raise any questions regarding the use of personal data by contacting BSN.*

    Dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.
    *By contacting BSN as stipulated in BSN's Privacy Policy.*

29. Peniaga bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Kempen ini dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Kempen ini oleh Peniaga yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Peniaga.
*The Merchant(s) agrees that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in this Campaign and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Merchant(s)' participation in this Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the Merchant(s).*

**TERMA & SYARAT AM / *GENERAL TERMS & CONDITIONS***

30. Dengan menyertai Kempen ini, Peniaga dianggap telah bersetuju:-
*By participating in this Campaign, all Merchant(s) is deemed to have agreed:*

    a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Terma dan Syarat bagi BSN Giro/-i Akaun Syarikat atau BSN Giro/-i Premium Akaun Syarikat, Terma dan Syarat bagi BSNeBiz dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan ke atasnya; dan
    *To be bound by the Terms and Conditions herein, the Terms and Conditions of BSN Giro/-i Company Account or BSN Giro/-i Premium Company Account, the Terms and Conditions of*

*BSNeBiz and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and*

b) Untuk mengakses Laman Web BSN dan / atau mana- mana halaman media sosial rasmi BSN dari semasa ke semasa bagi memastikan Peniaga sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.
*To access BSN's Website and / or any BSN's official social media page on a regular basis to ensure that the Merchant(s) is updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.*

31. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Peniaga, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.
*All BSN's decisions relating to the Campaign is final, binding on all Merchants, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.*

32. Dalam semua keadaan, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen.
*In all circumstances, BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign.*

33. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Peniaga yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.
*BSN shall not be responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Merchant(s) resulting, directly or indirectly, from participation in this Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be liable for any default of its obligation under this Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.*

34. Dengan menyertai Kempen ini, Peniaga memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat Peniaga untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang serta pengumuman pemenang dalam apa-apa cara

yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN.
*By participating in this Campaign, the Merchant(s) consent to BSN the right to publish or display the name, picture or any other information of the Merchant(s) for current and future advertising and promotional and winner announcement purposes in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate.*

35. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk meminda, mengubah, membatal atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Kempen, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Kempen, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peniaga dan/atau Pemenang secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.
*BSN reserves the right at its discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Merchant(s) and/or Winners, directly or indirectly, caused by the changes.*

36. Peniaga hendaklah mengakses Laman Web BSN dan/atau mana-mana halaman media sosial rasmi BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Peniaga sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.
*Merchant(s) must access to BSN Website and/or any BSN's official social media page on a regular basis to ensure that the Merchant(s) is up-to-date with any change or variation made to the Terms and Conditions.*

37. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Peniaga dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Peniaga melalui paparan di BSN atau melalui notis yang dihantar oleh BSN atau pengiklanan di halaman media sosial rasmi BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN.
*Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Merchant(s) and be deemed to be brought to the Merchant(s)' attention and knowledge by its display at BSN or by notice being sent by BSN or by advertisement at BSN's official social media page or BSN Website or by any other mode which BSN deems fit.*

38. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan

Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara pihak BSN.
*In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not covered in these Terms and Conditions will be determined by BSN at its discretion.*

39. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
*These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance with the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.*

40. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Kempen ini, sila hubungi BSN di 03-2613 1900.
*For more information and query relating to the Campaign, please contact BSN at 03-2613 1900.*

**- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -**
***- END OF CAMPAIGN’S TERMS AND CONDITIONS-***